



MUHAMAD FARRID, ANDI SUWIRTA & ABDUL RAZAQ AHMAD

Proklamasi dan Pemasyhuran Kemerdekaan di Indonesia dan Tanah Melayu dalam Buku Sejarah Indonesia SMA Kelas XI dan Buku Teks Sejarah Malaysia Tingkatan 4

RINGKASAN: Kertas konsep ini membincangkan detik-detik, kronologi, serta cerita di sebalik Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan Proklamasi Kemerdekaan Indonesia. Kaedah perbincangan ini adalah secara kajian kepustakaan atau studi pustaka. Rujukan utama adalah bersandarkan buku teks “Sejarah Malaysia Tingkatan 4” dan buku “Sejarah Indonesia SMA [Sekolah Menengah Atas] Kelas XI”, serta rujukan daripada bahan bacaan yang relevan. Dapatan menunjukkan adanya perbezaan ketara kronologi dan rentetan ke arah kemerdekaan kedua-dua buah negara. Pemasyhuran Kemerdekaan Malaysia dilihat lebih terancang dan diraikan dengan penuh gilang-gemilang berbanding Proklamasi Kemerdekaan Indonesia. Walau bagaimanapun, peranan tokoh atau individu dalam negara, seperti Tunku Abdul Rahman dan Soekarno, begitu signifikan dalam usaha kedua-dua buah negara ke arah mencapai kemerdekaan.

KATA KUNCI: Pemasyhuran Kemerdekaan; Tanah Melayu dan Indonesia; Naratif Sejarah; Peran Tokoh dalam Sejarah.

ABSTRACT: “Proclamation and Declaration of Independence in Indonesia and Malaya in the Indonesian History Book for Senior High School Class XI and the Malaysian History Textbook for Form 4”. This concept paper discusses the moments, chronology, and stories behind the Proclamation of Independence of the Federation of Malaya and the Proclamation of Indonesian Independence. The method of this discussion is a library study or library study. The main reference is based on the textbook “Malaysian History Form 4” and the book “Indonesian History SMA [Senior High School] Class XI”, as well as references from relevant reading materials. The findings show that there are significant differences in the chronology and sequence towards independence of the two countries. The Proclamation of Malaysian Independence is seen to be more planned and celebrated with great pomp compared to the Proclamation of Indonesian Independence. However, the role of figures or individuals in the country, such as Tunku Abdul Rahman and Soekarno, was very significant in the efforts of both countries towards achieving independence.

KEY WORD: Proclamation of Independence; Malaya and Indonesia; Historical Narrative; Role of Figures in History.

About the Authors: **Muhamad Farrid** ialah Alumni Pelajar Sarjana Pendidikan Sejarah, Fakulti Pendidikan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia); **Dr. Andi Suwirta, M.Hum.** ialah Pensyarah Kanan Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI (Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial, Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung; dan **Prof. Dato Dr. Abdul Razaq Ahmad** ialah Pensyarah Fakulti Pendidikan UKM di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Alamat emel: p106433@siswa.ukm.edu.my

Suggested Citation: Farrid, Muhamad, Andi Suwirta & Abdul Razaq Ahmad. (2026). “Proklamasi dan Pemasyhuran Kemerdekaan di Indonesia dan Tanah Melayu dalam Buku Sejarah Indonesia SMA Kelas XI dan Buku Teks Sejarah Malaysia Tingkatan 4” dalam ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Volume 16(1), Juni, pp.43-60. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Suci Foundation dan ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional) with print-ISSN 2088-1290 and online-ISSN 2714-6243.

Article Timeline: Accepted (17 April 2026); Revised (19 Mei 2026); Published (30 Juni 2026).

PENGENALAN

Usaha sebuah negara untuk mencapai kemerdekaan bukanlah mudah. Ternyata ia memerlukan pelbagai pengorbanan dan peranan dari pelbagai pihak mengikut kronologi peristiwa dan rentetan sejarah yang telah berlaku. Tidak terkecuali bagi Proklamasi Kemerdekaan Indonesia pada tarikh 17hb Ogos 1945; dan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tarikh 31hb Ogos 1957.

Memetik ucapan Presiden Soekarno (1945-1968) daripada Indonesia mengenai erti kemerdekaan, iaitu: *“Kemerdekaan hanyalah didapat dan dimiliki oleh bangsa yang jiwanya berkobar-kobar dengan tekad Merdeka, Merdeka atau Mati!”*. Begitu juga dengan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Presiden Republik Indonesia, iaitu Mohamad Hatta (1945-1956), seperti: *“Malahan kita berada pada permulaan perjuangan yang jauh lebih berat dan lebih mulia, yaitu perjuangan untuk mencapai kemerdekaan daripada segala macam penindasan”*. Presiden Indonesia kedua, iaitu Jeneral Soeharto (1968-1998) pula menyatakan: *“Kita teringat kembali lautan Sang Merah Putih yang melambai-lambai di mana-mana dari ujung ke ujung Tanah Air ini menyambut Indonesia Merdeka di tahun 1945, melambangkan tekad kemerdekaan dan semangat kebangsaan”* (Agustin, 2009; Nugraha, 2020; Aditya, 2021).

Manakala Perdana Menteri pertama Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Halim Shah (1957-1970), pula menyatakan, *“Kita telah berjaya membawa negara kita ke ambang kemerdekaan tanpa menumpahkan darah sebagaimana yang berlaku di negara-negara jiran”*. Tun Haji Abdul Razak bin Dato’ Hussein (1970-1976), mantan Perdana Menteri Malaysia, menegaskan, *“Rakyat mesti bekerja keras, mempunyai keberanian, keyakinan, dan kesediaan untuk berfikir menjangkau kebiasaan jika mereka mahu berjaya dalam mewujudkan sebuah masyarakat baharu”*. Manakala Tun Hussein bin Dato Onn, yang juga mantan Perdana Menteri Malaysia (1976-1981) menyatakan, *“Tidak ada maknanya kekayaan, kemajuan, dan kemakmuran jika rakyat berpecah-belah dan bergaduh sesama sendiri”* (Adam, 2004; Mahmud, Salleh & Harun, 2011; Ruslan, 2011).

Petikan kata-kata daripada beberapa tokoh di atas adalah simbolik kepada betapa pentingnya mempertahankan kemerdekaan dan usaha gigih yang diperlukan ke arah menjulang sebuah kebebasan dan selepas kemerdekaan. Pada 17 Ogos 2026, negara Republik Indonesia meraikan kemerdekaan kali ke-81 tahun. Menyingkap pula kepada proses kemerdekaan Indonesia, perkataan “proklamasi” berasal daripada bahasa Yunani, yang bermaksud “pengumuman atau pemberitahuan

rasmi”. Tidak seperti Malaysia, Indonesia telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1945, 12 tahun lebih awal daripada kemerdekaan Malaysia. Tarikh 17 Ogos merupakan satu babak penting dalam perjalanan bangsa Indonesia. Peristiwa ini menjadi tunggak penting kepada Indonesia keseluruhannya, kerana bangsa Indonesia menyatakan kemerdekaan negaranya sama seperti bangsa-bangsa lain di dunia (Reid, 1996; Suwirta, 2000; Kahin, 2013).

Peristiwa pada tarikh 17 Ogos 1945 itu bukanlah mudah, tetapi merupakan klimaks kepada pelbagai perjalanan dan kejadian yang telah berlaku sebelumnya. Kemerdekaan Indonesia dianggap sebagai titik permulaan perjuangan bangsa Indonesia dalam mencapai kemerdekaanya. Hal ini kerana kemerdekaan Indonesia, melalui Proklamasi 17 Ogos 1945, adalah hasil perjuangan tidak berhenti bangsa Indonesia untuk menuntut pembebasan daripada belenggu penjajahan bangsa asing (Anderson, 1980; Reid, 1996; Kahin, 2013).

Detik-detik proklamasi kemerdekaan Indonesia didahului dengan peristiwa-peristiwa penting. Antaranya, beberapa hari menjelang proklamasi kemerdekaan terjadi peristiwa Rengasdengklok pada 16 Ogos 1945. Pada awalnya, kemerdekaan Indonesia dirancang mahukan diberikan oleh Jepun dengan pembentukan pertubuhan PPKI (Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia). Soekarno juga sudah merancang akan memproklamasikan kemerdekaan Indonesia dalam kadar segera, selari dengan kebenaran daripada pihak Jepun. Akan tetapi, dengan menyerahkan Jepun kepada Tentera Sekutu pada 15 Ogos 1945, membuatkan sesetengah rakyat, khasnya golongan belia, inginkan kemerdekaan Indonesia disegerakan tanpa menunggu keputusan Jepun (Anderson, 1980; Reid, 1996; Kahin, 2013).

Wujud perbezaan pendapat antara golongan tua dan golongan belia, yang terdiri daripada beberapa kumpulan. Seterusnya berlaku pelbagai peristiwa-peristiwa lain, yang perlu dilalui sebelum proklamasi kemerdekaan Indonesia di isytiharkan, termasuk peristiwa Rengasdengklok, yang mana Soekarno dan Mohamad Hatta (sebagai wakil daripada golongan tua) diculik dan digesa untuk segera mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia tanpa membabitkan Jepun. Natijahnya, proklamasi kemerdekaan Indonesia dilakukan pada hari Jumat, yang dibacakan oleh “Bapak Proklamator Indonesia” dan Presiden Pertama Indonesia, iaitu Ir. Soekarno, bersama Drs. Mohamad Hatta, yang bertempat di sebuah rumah kecil milik persendirian Soekarno di Jalan Pegangsaan Timur 56, Jakarta Pusat (Anderson, 1980; Reid, 1996; Kahin, 2013).

Manakala pada 31 Ogos 1957, genaplah 69 tahun Persekutuan Tanah Melayu (kini dikenali sebagai Malaysia) mencapai kemerdekaan pada tahun 2026 ini. Sepanjang 69 tahun, Malaysia pun mengalami berbagai pancaroba. Namun begitu, Malaysia terus-menerus mencapai kemajuan dalam berbagai bidang politik, ekonomi, dan sosial. Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ketika itu merupakan suatu peristiwa yang sangat bermakna dan bererti bagi negara. “Merdeka” membawa erti bebas daripada cabaran dan cengkaman kuasa asing. Merdeka juga bererti bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara. Kemerdekaan yang diperjuangkan merupakan rentetan perjuangan sebelumnya yang penting. Banyak takrif merdeka yang boleh diteliti dan diambil iktibar supaya generasi kini dan akan datang terus menjiwai dan mempertahankan kemerdekaan (Kennedy, 1964; Andaya & Andaya, 1984; Muhamad ed., 2007).

Takrif “kemerdekaan”, menurut Kamus Dewan, ialah bebas daripada penjajahan, kurungan, atau naungan.¹ Negara yang merdeka juga bermakna negara yang berdaulat, iaitu mempunyai kuasa tertinggi. Beberapa orang tokoh telah pun memberikan takrifan kemerdekaan. Menurut Sayyid Jamal al-Din al-Afghani (1838-1897), perjuangan bagi menghadapi penjajah hendaklah disertai semangat kebangsaan (*jinsiyyah*) dan cinta akan tanah air yang merdeka (*wataniyah*). Beliau yakin bahawa rakyat perlu membebaskan diri daripada pencerobohan pihak luar dengan Bersatu-padu bagi mempertahankan maruah diri, bangsa, agama, dan negara (cf Zain & Bakar, 2007; Hawi, 2017; Tarumingkeng, 2025).

Menurut Rashid Rida (1865-1935) pula, sepertimana dipetik dalam kajian Siti Nurul Izza Hashim & Ermy Azziaty Rozali (2013), kedaulatan dan kekuatan sesebuah negara adalah dengan menghidupkan sistem khalifah dan menghapuskan ikatan perkauman. Sayyid Jamal al-Din al-Afghani (1838-1897) dan Rashid Rida (1865-1935) merupakan tokoh gerakan Pan-Islamisme di Mesir. Mahatma Ghandi (1869-1948), seorang tokoh pejuang kemerdekaan India turut memperjuangkan pembebasan rakyat daripada belenggu kemiskinan dan penindasan kuasa British. Beliau pula mengatakan bahawa kemerdekaan perlu merangkumi politik, ekonomi, dan moral. Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walaupun sukar supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni (Hashim & Rozali, 2013; Putri, Sumiyatun & Kuswono, 2019; Azahra, 2023).

Nelson Mandela (1994), seorang tokoh pejuang kemanusiaan yang membebaskan Afrika Selatan daripada penindasan dasar apartheid,

¹Lihat “Kamus Bahasa Melayu: Maklumat Kata Merdeka”. Wujud dalam talian: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari?keyword=merdeka&d=175768&> [dilayari di Bangi, Malaysia: 20hb Mei 2025].

mendefinisikan bahawa kebebasan bukan hanya satu pertempuran untuk melawan satu kumpulan atau warna kulit, tetapi satu pertempuran terhadap sebuah sistem yang menindas. Kebebasan boleh dicapai melalui politik, bebas daripada penghambaan, kemiskinan dan penderitaan. Beliau menambah, seluruh rakyat perlulah bersatu dalam satu negara menuju masa depan (Mandela, 1994).

Kemerdekaan memberikan hak untuk rakyat menentukan sendiri bentuk dan hala-tuju negara tanpa pengaruh kuasa luar. Penghayatan terhadap erti merdeka menuntut rakyat mengenali sejarah negara. Hal ini penting bagi rakyat untuk mengukuhkan jati diri, terutama bagi mengisi kemerdekaan. Menelusuri makna dan erti kemerdekaan daripada tokoh-tokoh sejarah, memetik teks ucapan Hari Merdeka pada tahun 2018, Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia (1981-2003 dan 2018-2020), menyatakan bahawa merdeka bukan skadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara dengan apa-apa cara sekalipun (Mohamad, 2018; Abdullah, 2019).

Tambahan, menurut Tunku Abdul Rahman (1903-1990), Perdana Menteri Malaysia yang pertama, kemerdekaan ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat. Rakyat perlu berkhidmat untuk negara yang baharu, berusaha dengan tenaga dan fikiran bagi mencipta satu bangsa bahar dengan cita-cita keadilan dan kebebasan (Mahmood, 1981; Adam, 2004; Alias, 2015).

Pandangan tokoh lain pula, menurut kajian Vinson H. Sutlive, Jr. (1992), Tun Temenggong Jugah Anak Barieng, pemimpin Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), berkongsi makna kemerdekaan bagi masyarakat Sarawak, Malaysia. Melalui kemerdekaan, keselamatan negeri akan lebih terjamin dan menjadi lebih kuat. Penduduk peribumi Sarawak sanggup berkorban demi mempertahankan negara. Di samping itu, dengan kemerdekaan ini kita dapat mengatasi ancaman Komunis (Sutlive, Jr., 1992).

Kemerdekaan, sememangnya, dinantikan oleh seluruh rakyat Malaysia ketika itu. Bagi memastikan detik ini bermakna kepada negara dan rakyat, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan Negeri. Persediaan ini debut melalui penubuhan Jawatankuasa Persediaan Fizikal dan Sambutan. Turut diatur ialah upacara sambutan kemerdekaan di setiap Negeri. Kajian selanjutnya akan menelusuri dengan lebih mendalam tentang persediaan sambutan kemerdekaan

Persekutuan Tanah Melayu pada 1957 (Kennedy, 1964; Andaya & Andaya, 1984; Muhamad ed., 2007).

Kajian ini menumpukan perbincangan kepada perbandingan antara dua negara-bangsa melalui Proklamasi Kemerdekaan Indonesia pada 1945 dan Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1957. Perbincangan akan menyentuh tentang persediaan ke arah pengistiharan kemerdekaan kedua-dua buah negara-negara; siapakah yang terlibat; dan pelbagai isu yang mungkin tercetus sepanjang proses ke arah perisytiharan kemerdekaan. Perbincangan adalah berdasarkan buku teks *Sejarah Indonesia: Kelas XI* dan buku teks *Sejarah Tingkatan 4* di Malaysia, serta disokong oleh beberapa kajian lain (Munslow, 2006; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Hasan et al., 2019).

KAEDAH

Kajian ini menggunakan kaedah secara perpustakaan sahaja atau studi pustaka, iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti di lapangan. Kaedah ini lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Walaubagaimanapun, cara ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian, memandangkan kajian berkenaan hanya bergantung kepada buku teks *Sejarah Indonesia: Kelas XI* dan buku teks *Sejarah Tingkatan 4* di Malaysia, juga bahan-bahan rujukan di perpustakaan. Namun begitu, metodologi ini dirasakan paling sesuai bagi menjalankan kajian buku teks sejarah untuk sekolah menengah, sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia (Sardiman & Lestariningsih, 2014; Sjahrony, Lubis & Yusoff, 2017; Zed, 2018; Hasan et al., 2019).

Buku teks *Sejarah Indonesia untuk SMA/MA/SMK/MAK (Sekolah Menengah Atas/Madrasah Aliyah/Sekolah Menengah Kejuruan/Madrasah Aliyah Kejuruan), Kelas XI, Semester 1*, merupakan Hak Cipta 2014 oleh Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. Buku cetakan pertama pada tahun 2014 ini dihasilkan dengan gabungan beberapa orang kontributor, penelaah, dan penyelia penerbitan oleh Pusat Kurikulum dan Perbukuan, Balitbang Kemdikbud (Badan Penelitian dan Pengembangan, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan). Tambahan, buku ini merupakan buku siswa yang disiapkan oleh kerajaan atau kementerian pendidikan dalam rangka Implementasi Kurikulum 2013. Buku ini dianggap sebagai “dokumen hidup” yang sentiasa ditambah-baik dan diperbaharui sesuai dengan peredaran dan keperluan semasa (Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Manakala buku teks *Sejarah Tingkatan 4* merupakan cetakan pertama pada tahun 2019 oleh KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia). Buku

Teks ini juga diterbitkan dengan kerjasama DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka). Selain itu juga, wujud kerjasama antara barisan Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah, Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber Manusia dan Teknologi Pendidikan KPM, Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, Jawatankuasa Panel Pembaca Luar, Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, dan lain-lain (Hasan *et al.*, 2019).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Melihat kepada sorotan buku teks *Sejarah Indonesia: Kelas XI*, pada awalnya, buku ini membawa pembaca untuk menganalisis “Kolonialisme dan Imperialisme” serta melihat bagaimana kedatangan kuasa Barat dan mengevaluasi penjajahan pemerintahan Hindia Belanda di Indonesia. Perkembangan Kolonialisme telah membawa kepada “Perang Melawan Kolonialisme” dengan peristiwa Perlawanan Banten di Jawa bagian Barat, Perlawanan Goa-Tallo di Sulawesi Selatan, sehingga ke Perlawanan Pangeran Mangkubumi dan Mas Said di Jawa Tengah dan Yogyakarta. Pada bab ini juga, tercetusnya beberapa peperangan melawan penjajahan Kolonial Belanda. Bermula dengan Perang Tornado (1808-1809) sehingga ke Perang Batak (1878). Selepas segala kemelut dan peperangan yang melanda, pada bab seterusnya elemen Nasionalisme mula dianalisis dan diketengahkan (Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Perbincangan kepada “Politik Etis, Pers Membawa Kemajuan dan Modernisasi, serta Reformasi Islam”. Sama seperti di Tanah Melayu, wujud beberapa perjuangan organisasi pergerakan kebangsaan. Antaranya ialah Organisasi Awal Pergerakan, Keagamaan, Pemuda, Wanita, Taman Siswa, dan Organisasi Buruh. Pada mulanya, pergerakan-pergerakan ini bersifat kedaerahan dan kelompok, namun semakin lama ia berkembang kepada pergerakan yang bercita-citakan semangat nasionalisme dan sifat kebangsaannya dilihat terus berkembang (Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Pada bab akhir buku teks *Sejarah Indonesia, SMA Kelas XI* ini, pembaca dibawa kepada suatu proses penguatan dan pembentukan jati diri bangsa. Bermula dengan munculnya elit baru dalam kalangan orang muda yang terpelajar dan membawa fahaman baru sehingga tercetusnya Peristiwa Sumpah Pemuda (28 Oktober 1928). Soekarno, seorang yang terpelajar dan menjadi pemimpin kepada pergerakan nasional baru dengan penubuhan PNI (Partai Nasional Indonesia) pada 4 Julai 1927, dengan keanggotaan mencapai 1,000 orang ketika itu. Pada bab akhir,

tahun 1929 menunjukkan pimpinan PNI ditangkap dan kesannya Perjuangan Volksraad bernama Fraksi Nasional wujud pada 1923. Seterusnya, penubuhan PARINDRA (Partai Indonesia Raya) di Solo pada tahun 1935 dan GAPI (Gabungan Politik Indonesia) turut ditubuhkan. Akhirnya, kemuncak berakhirnya pemerintahan colonial Belanda, ekoran tewas kepada Tentera Jepun pada 1942 (Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Kajian daripada buku teks *Sejarah Tingkatan 4* telah menceritakan kronologi kemerdekaan Tanah Melayu, yang bermula dari sebelum kedatangan Barat dan bagaimana kehebatan Kesultanan Melayu Melaka dalam undang-undang dan pentadbiran keseluruhannya. Seterusnya, kandungan buku teks ini juga menyentuh kepada Kebangkitan Nasionalisme melalui kemunculan Gerakan Nasionalisme, Faktor, Perkembangan, dan Kesan Perkembangan Nasionalisme yang bermula dari Barat dan Asia. Kronologi yang lebih terperinci bermula dengan penulisan konflik yang bermula dengan kedatangan kuasa-kuasa luar, iaitu Jepun dan British, yang juga membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948, Gerakan Nasionalis Melayu Radikal, Gabungan PUTERA-AMCJA, dan lain yang mempunyai objektif penubuhan yang hampir sama, tetapi berbeza matlamat (Ismail, Arifin & Zainun, 2006; Hasan et al., 2019).

Kemasukan dan ancaman Komunis menjadi salah satu topik perbincangan dalam usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Kedatangan Komunis membawa kesan yang besar kepada Tanah Melayu, sehingga tercetusnya darurat. Pada Bab 7, perbincangan dilihat lebih berfokus ke arah usaha memerdekakan Tanah Melayu dengan rentetan penubuhan beberapa jawatankuasa dan parti politik, seperti Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum, Sistem Ahli dan Sistem Pendidikan Kebangsaan. Seterusnya, proses PRU (Pilihan Raya Umum) pertama berlaku pada 1955 dan wujudnya Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu. Kewujudan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah menjurus kepada usaha yang lebih progresif ke arah kemerdekaan, iaitu dengan rundingan kemerdekaan dan seterusnya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu. Pemasyhuran kemerdekaan dibuat selepas segala persiapan dan perjanjian di persetujui oleh semua pihak antara British dan Tanah Melayu. Pada bab akhir ini, perbincangan menjurus kepada detik-detik bersejarah kemerdekaan Tanah Melayu dan pasca serta kesan kemerdekaan kepada Tanah Melayu (Fernando, 2002; Muhamad ed., 2007; Hasan et al., 2019).

Beralih kepada perbincangan utama kajian ini, iaitu pemasyhuran kemerdekaan bagi kedua-dua negara. Bagi kemerdekaan Persekutuan

Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Kemerdekaan sememangnya dinantikan oleh seluruh rakyat. Bagi memastikan detik ini bermakna kepada negara dan rakyat, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan Negeri. Persediaan ini dengan melalui penubuhan jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan. Turut diatur ialah upacara sambutan kemerdekaan di setiap Negeri. Namun begitu, tumpuan upacara adalah di Padang Kelab Selangor dan Stadium Merdeka. Pada 8 Julai 1957, Tunku Abdul Rahman, selaku Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, telah berucap dalam Radio Malaya menyeru seluruh rakyat meraikan Hari Kemerdekaan dengan meriah supaya kekal dalam sejarah negara. Pada 3 Ogos 1957, jam 7.33 pagi, Dato' Abdul Razak Hussein memaklumkan rakyat menerusi Radio Malaya tentang atur-cara sambutan kemerdekaan, terutama pada tarikh 31 Ogos 1957 (Adam, 2004; Muhamad ed., 2007; Mahmud, Salleh & Harun, 2011; Hasan et al., 2019).

Bagi memastikan detik dan pemasyuran kemerdekaan negara berjalan lancar, penuh bermakna, dan diingati, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan sebagai usaha bagi memastikan semua perancangan dapat dijalankan dengan baik. Antara jawatankuasa yang diwujudkan ialah Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka, Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka, Jawatankuasa Perayaan Ibu Kota Persekutuan, Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan, dan lain-lain. Sebagai sebuah negara yang akan memperoleh kemerdekaan, penonjolan identiti negara perlu diberikan. Oleh yang demikian, tanggungjawab ini diberikan kepada Jawatankuasa Persediaan Fizikal. Prasarana fizikal yang disediakan antaranya termasuklah pembinaan sebuah stadium untuk meraikan kemerdekaan dan istana untuk Yang di-Pertuan Agong. Selain itu, Tunku Abdul Rahman turut mencadangkan sebuah lagu rasmi kebangsaan, yang dicipta bagi diperdengarkan semasa upacara Penisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Sebuah Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan dibentuk dengan dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman dan dibantu oleh Yaacob Abdul Latiff (Pengarah Jabatan Penerangan). Lagu "Negaraku" dicipta sebagai lagu kebangsaan negara. Lagu ini berasal daripada lagu "Terang Bulan", lagu negeri Perak, yang liriknya ditulis oleh Saiful Bahari (Adam, 2004; Muhamad ed., 2007; Hasan et al., 2019).

Di samping itu, penggunaan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang telah sedia ada akan dijadikan bendera kebangsaan. Reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hamzah, kakitangan Jabatan Kerja Raya Negeri Johor. Bendera ini mula dikibarkan dengan rasminya pada 26 Mei 1950 di Istana Sultan Selangor. Bendera kebangsaan kini telah ditukar

namanya kepada “Jalur Gemilang”. Kementerian Pertanian ketika itu juga memainkan peranan dalam pemayuran kemerdekaan dengan meninjau pendapat rakyat untuk menentukan bunga yang sesuai sebagai bunga kebangsaan. Akhirnya, “Bunga Raya” dipilih sebagai bunga kebangsaan (Muhamad ed., 2007; Hasan et al., 2019).

Jawatankuasa Sambutan turut diwujudkan. Jawatankuasa ini berperanan untuk memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri. Bangunan dan sekitar bandar, jalan raya dan Padang Kelab Selangor ketika itu dihiasi lampu. Sebanyak 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu turut ditempah khas dari kilang kain di Jepun dan dibawa dengan kapal laut. Pintu-pintu gerbang juga dibina dan dihiasi dengan sinaran lampu yang berwarna-warni. Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas ilham Tunku Abdul Rahman sendiri. Sejenis pakaian dari negeri Kedah, iaitu “baju muskat” yang diubah-suai lengkap dengan seluar satin hitam bersongket, bersamping, dan tengkolok yang direka untuk Menteri. Kerajaan juga menganjurkan kursus khas berkaitan dengan protokol yang dihadiri oleh 300 orang pegawai kerajaan selama tiga hari bertindak sebagai pegawai penerangan dan pegawai pengiring jemputan dari luar negara (Adam, 2004; Muhamad ed., 2007; Hasan et al., 2019).

Selain itu, semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu lebih awal untuk memberikan peluang menyambut kemerdekaan. Sambutan kemerdekaan sememangnya dinantikan, sehinggakan semua tiket Keretapi Tanah Melayu di panda timur habis ditempah. Begitu juga dengan tiket bas. Semua pihak pada peringkat Pusat mahupun Negeri memberikan kerjasama dan bersatu hati untuk menjayakan hari pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (Muhamad ed., 2007; Hasan et al., 2019).

Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu upacara yang dinantikan oleh segenap lapisan masyarakat ketika itu. Upacara sambutan ini merupakan detik bersejarah setelah melalui perjalanan yang panjang menuju kemerdekaan. Permulaan sambutan diraikan pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor. Menjelang tengah malam, jalan sekitar bandar Kuala Lumpur mula sesak dan dipenuhi kenderaan. Jalan sesak dengan kereta, bas, beca, basikal, serta pejalan kaki menuju ke Padang Kelab Selangor. Suasana malam penuh meriah diterangi lampu hiasan dan kedai juga turut dibuka sehingga larut malam. Bermula pada jam 10 malam, wakil Parti Perikatan dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura berpakaian baju Melayu hitam, diketuai oleh Sardon Jubir mengambil tempat duduk.

Seterusnya, seramai 300 orang pemuda membentuk perbarisan kehormat, mengambil tempat di tengah padang menghadap Jalan Raja (menara jam) yang diketuai oleh Ismail Bontak. Semua lampu di Padang dan di sekelilingnya dipadamkan, sehingga seluruh kawasan menjadi gelap-gulita (Hasan et al., 2019).

Pada jam 12 tengah malam, lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi menandakan detik 12.00 tengah malam dan diikuti dengan laungan “Merdeka” oleh orang ramai. Kemudian Tunku Abdul Rahman dibawa ke hadapan pentas menghadap ketiga-tiga tiang bendera. Seterusnya, bendera *Union Jack* mula diturunkan oleh Tahir Abdul Majid, dengan diiringi lagu *God Save the Queen*, yang dimainkan sebagai tanda berakhirnya pentadbiran British di Tanah Melayu. Bendera *Union Jack* diturunkan dan disambut dengan tepukan dan laungan “Merdeka”. Bendera Persekutuan Tanah Melayu (Jalur Gemilang) kemudian dinaikkan dengan diiringi lagu “Negaraku”, yang diperdengarkan buat kali pertama kepada umum pada malam bersejarah itu. Sorakan “Merdeka” dilaungkan sebanyak tujuh kali. Tunku Abdul Rahman memberikan tabik hormat semasa bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan. Tunku Abdul Rahman turut menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan perwakilan Negeri. Beliau kemudiannya mengambil tempat di atas pentas (Adam, 2004; Muhamad ed., 2007; Hasan et al., 2019).

Pasukan Pemuda Perikatan seramai 24 orang, yang diketuai oleh Abdul Majid Othman, tampil membawa dulang berisi rantai emas yang bergantung padanya sebutir Pingat Emas. Pingat ini berukir peta semenanjung Tanah Melayu serta gambar Tunku Abdul Rahman di dalam peta itu. Di tepi bulatan peta ditulis perkataan “Bapa Kemerdekaan Tanah Air”, gelaran yang diberikan kepada Tunku Abdul Rahman. Rantai emas dikalungkan oleh Sardon Jubir ke leher Tunku Abdul Rahman, diikuti dengan laungan “Bapa Kemerdekaan Tanah Air” sebanyak tiga kali. Sejurus selepas itu, Tunku Abdul Rahman dengan penuh semangat menyampaikan ucapan. Majlis pada malam itu diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati (Adam, 2004; Hasan et al., 2019).

Pada pagi 31 Ogos 1957, di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, upacara sambutan kemerdekaan diadakan dengan penuh gemilang. Perarakan barisan pasukan tentera dan orang ramai dianggarkan berjumlah 20 ribu orang membanjiri stadium. Kehadiran seawal 6 pagi dalam keadaan hujan, sedikit pun tidak berganjak demi menantikan saat yang menggembirakan. Turut hadir Raja-raja Melayu dan wakil Queen

Elizabeth II, iaitu Duke of Gloucester, serta beberapa pegawai tinggi British yang dipayungi biduanda. Tunku Abdul Rahman tiba di perkarangan stadium dan disusuli dengan ketibaan Raja-raja Melayu, Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri, serta Duke dan Duchess of Gloucester. Duke of Gloucester yang mewakili kerajaan British telah memberikan ucapan dan menyerahkan Surat Perlembagaan Serahan Kuasa kepada Tunku Abdul Rahman. Kemudian nafiri dimainkan (Adam, 2004; Hasan et al., 2019).

Pemasyhuran Kemerdekaan dibaca oleh Tunku Abdul Rahman bagi mengisytiharkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan dan kedaulatan. Dengan tangan kanan di udara, Tunku Abdul Rahman melaungkan “Merdeka” sebanyak tujuh kali dengan gemanya dan disahut oleh para hadirin yang terdiri dari pelbagai bangsa. Kemudian disusuli dengan laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari yang sayup kedengaran menandakan rasa kesyukuran terhadap kemerdekaan Tanah Melayu. Majlis diteruskan dengan menaikan bendera Persekutuan Tanah Melayu sambil diiringi lagu kebangsaan “Negaraku”. Sebanyak 101 das tembakan dilepaskan menandakan Persekutuan Tanah Melayu menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Istiadat Mengangkat Sumpah Yang di-Pertuan Agong, yang diadakan di Balairong Seni, Istana Negara. Upacara ini kemudian disusuli dengan pelantikan jawatan Perdana Menteri, Ahli Jemaah Menteri, Hakim Besar, serta Gabenor Pulau Pinang dan Melaka (Adam, 2004; Muhamad ed., 2007; Hasan et al., 2019).

Sebelum berangkatnya Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi British ke England, majlis jamuan di Residen di diadakan bagi mengucapkan selamat jalan dan diberikan penghormatan dengan permaidani merah dibarisi barisan kehormat oleh Batalion Keempat Askar Melayu. Dengan melalui sejarah perjuangan yang panjang dan berliku, Persekutuan Tanah Melayu akhirnya mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan yang sebelum ini diperjuangkan dengan pelbagai cara, akhirnya diperoleh melalui rundingan dan hasil permuafakatan tanpa pertumpahan darah (Hasan et al., 2019).

Penulisan seterusnya akan membincangkan tentang Proklamasi Kemerdekaan Indonesia. Berbeza dengan pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, detik-detik proklamasi 17 Ogos 1945 dimulakan dengan beberapa peristiwa penting. Beberapa hari menjelang proklamasi kemerdekaan, terjadi peristiwa Rengasdengklok, yang menandakan penyerahan Jepun kepada Sekutu, hingga membawa kepada perancangan Proklamasi Kemerdekaan Indonesia. Jepun lumpuh

kerana serangan bom atom pada 6 dan 9 Ogos 1945 di Kota Hiroshima dan Nagasaki. Lantaran itu, mereka menyerah kalah kepada Tentera Sekutu pada 15 Ogos 1945 (Malik, 1950; Kahin, 2013; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Pada awalnya, kemerdekaan Indonesia akan diberikan oleh Jepun melalui PPKI (Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia). Walaubagaimanapun, Ir. Soekarno telah merancang memproklamasikan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945. Akan tetapi, kesan penyerahan Jepun kepada Tentera Sekutu membuatkan segelintir rakyat ingin memerdekakan Indonesia dengan kadar segera dan lebih cepat, tanpa menunggu keputusan Jepun. Hal ini telah menimbulkan perbezaan pandangan dan pendapat antara golongan tua dengan golongan muda. Golongan muda pastilah inginkan kemerdekaan Indonesia disegerakan; manakala golongan tua tidak bersepakat kerana tidak ingin berlakunya pertumpahan darah memandangkan anggota pasukan Jepun yang masih ramai di Indonesia. Konflik ini berterusan sehingga berlaku Tindakan “penculikan Soekarno dan Mohamad Hatta” oleh sekumpulan golongan muda. Mereka berdua telah diculik pada 16 Ogos 1945 dan dibawa ke Rengasdengklok, sebuah kota kecil di Karawang, Pantai Utara Jawa Barat (Malik, 1950; Adams, 2007; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Dalam proses penculikan itu, Soekarno didesak untuk menyegerakan proklamasi kemerdekaan. Walau bagaimanapun, Soekarno tetap berpegang teguh untuk melaksanakan rencana proklamasi pada 17 Ogos 1945. Tarikh yang dipilih Soekarno jatuh pada hari Juma’at, yang dianggap suci dan ketika itu merupakan bulan Ramadhan (Adams, 2007; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Sementara itu, di Jakarta, Achmad Soebardjo dari golongan tua dan Wikana dari golongan muda sedang membincangkan tentang lokasi kemerdekaan Indonesia. Mereka berpendapat proklamasi kemerdekaan harus diadakan di Jakarta. Akhirnya, mereka bersetuju untuk menjemput Soekarno dan Mohamad Hatta untuk kembali ke Jakarta dengan membuat perjanjian bahawa proklamasi kemerdekaan Indonesia tetap akan diumumkan pada 17 Ogos 1945 (Malik, 1950; Djoyoadisuryo, 1978; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Pada jam 11 malam, 16 Ogos 1945, rombongan Soekarno dan Mohamad Hatta tiba di Jakarta. Rumusan dan kandungan proklamasi telah dibuat bersama oleh Soekarno, Mohamad Hatta, dan menerima pandangan daripada Achmad Soebardjo di ruang makan kediaman Laksamana Muda Tadashi Maeda. Pandangan Achmad Soerbarjdo di bahagian pertama proklamasi adalah tuntutan daripada bangsa

Indonesia sendiri untuk Merdeka (Hatta, 1969; Djoyoadisuryo, 1978; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Selepas itu, pada 17 Ogos 1945 waktu dinihari, Soekarno mengadakan pertemuan dengan Sajuti Melik. Pertemuan ini menghasilkan teks proklamasi yang seterusnya ditandatangani oleh Soekarno dan Mohamad Hatta. Selesai menandatangani teks tersebut, para pemimpin dan tokoh pemuda keluar dari kediaman Soekarno. Mereka semua telah bersetuju untuk mengumumkan kemerdekaan bangsa Indonesia di rumah Soekarno, Jalan Pegangsaan Timur No.56 Jakarta. Ketika itu juga, Mohamad Hatta menyampaikan amanat kepada para pemuda untuk memperbanyak dan menyebarkan naskah proklamasi sehingga ke seluruh dunia (Hatta, 1969; Adams, 2007; Sardiman & Lestariningsih, 2014).

Sepanjang menunggu detik Proklamasi Kemerdekaan Indonesia dirasmikan, bendera Merah-Putih yang dijahit dengan tangan Fatmawati, isteri Soekarno, telah disiapkan. Bentuk dan ukuran bendera tidak tepat dan tidak sempurna hasilnya. Sementara itu juga, berita proklamasi telah sampai ke pengetahuan rakyat dan mereka telah berkumpul untuk pelaksanaan proklamasi tersebut. Maka, pada 17 Ogos 1945, Soekarno dan Mohamad Hatta, di atas nama bangsa Indonesia, telah mengisytiharkan Proklamasi Kemerdekaan Indonesia. Terdapat pelbagai pendapat mengenai waktu atau jam pembacaan proklamasi, dengan perbezaan 30 minit, iaitu antara 9.30 ke 10.00 WIB (Waktu Indonesia Barat). Detik-detik proklamasi adalah saat yang sangat penting bagi bangsa Indonesia (Adams, 2007; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Pamuji, 2020).

Jadi, sekali lagi, peristiwa yang dinantikan oleh seluruh bangsa Indonesia telah terjadi. Pada jam 10 pagi waktu Jakarta, tanggal 17 Ogos 1945, di hadapan anggota PPKI (Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia) dan beberapa ratus pemuda Jakarta, Soekarno membacakan teks Proklamasi Kemerdekaan Indonesia, sebuah teks keramat bangsa, yang sebelumnya telah ditandatangani bersama Mohamad Hatta. Selesai sahaja pembacaan teks proklamasi, berita tentang proklamasi kemerdekaan telah tersebar luas ke seluruh Indonesia, seperti ke Jawa Barat, Jawa Tengah, Jawa Timur, Sumatera, Sunda Kecil (Nusa Tenggara), Kalimantan, Sulawesi, dan Maluku. Tersebar nya berita proklamasi, dengan pelbagai cara dan melangkaui sempadan-sempadan seluruh Indonesia, seterusnya membentuk NKRI (Negara Kesatuan Republik Indonesia) dan mendapat sokongan seluruh rakyat Indonesia (Adams, 2007; Sardiman & Lestariningsih, 2014; Gunawan, 2015).

RUMUSAN

Penulisan dan perbincangan sejarah kemerdekaan Tanah Melayu dan Proklamasi Indonesia dalam buku teks *Sejarah Tingkatan 4* dan *Sejarah Indonesia SMA Kelas XI* membawa pemikiran pembaca untuk sama-sama menilai bagaimana perjalanan negara masing-masing ke arah menuju sebuah kebebasan. Saat getir dan cabaran demi cabaran yang berlaku diselesaikan dengan pendekatan yang berbeza, sama ada perbincangan meja bulat mahupun pertumpahan darah.

Wujud perbezaan kronologi yang ketara antara kedua buah negara. Walau bagaimanapun, boleh dirumuskan bahawa tujuan dan matlamat setiap pertubuhan, persatuan, gerakan, mahupun organisasi adalah untuk membentuk sebuah negara-bangsa yang lebih dominan dan berkuasa, serta mempunyai hak untuk membuat keputusan dalam mengemudi tanah asal mereka sendiri, tanpa dikawal oleh kuasa-kuasa asing / penjajah. Tuntasnya, ia dapat melahirkan sebuah negara-bangsa yang kukuh jati diri, rasa kebersamaan dan penyatuan, nasionalisme, dan sanggup berjuang demi mengekalkan kemerdekaan negara tanpa dicabul oleh mana-mana pihak lain.

Kemerdekaan dan kebebasan yang diperoleh memberikan impak yang besar kepada kedua-dua negara, terutamanya di peringkat awal kemerdekaan. Walaupun wujud perbezaan dalam mencapai kemerdekaan antara kedua negara, namun kesan yang hampir serupa tetap dinikmati sehingga kini. Secara umumnya, hasil kemerdekaan kedua-dua negara pastinya membawa kepada kebaikan. Impaknya dapat dilihat dari pelbagai sudut dan aspek.

Antara aspek yang mengalami perubahan ketara ialah situasi politik kedua buah negara. Dari aspek ini, kesan kemerdekaan dapat dilihat pada peringkat negara mahupun antarabangsa. Contohnya di Malaysia dapat dilihat melalui pengamalan Sistem Raja Berpelembagaan, Demokrasi Berparlimen, Pentadbiran Negara, dan Cagaran Kerajaan Persekutuan. Pasca kemerdekaan juga memberi kesan kepada hubungan dan dasar luar kedua buah negara, seperti Malaysia sendiri. Selepas mencapai kemerdekaan, Persekutuan Tanah Melayu telah diterima untuk menganggotai pertubuhan Komanwel. Pertubuhan ini bermanfaat untuk merapatkan hubungan sosio-ekonomi dengan negara ahli, juga sebagai medan untuk negara mempamerkan komitmen terhadap isu yang dihadapi oleh negara anggota. Pastinya juga, apabila situasi politik semakin stabil, maka ianya turut memberikan kesan positif kepada perkembangan ekonomi dan struktur sosial sesebuah negara. Tumpuan dan fokus akan diberikan kepada pembangunan sosial, seperti

pendidikan, kesihatan, dan kemudahan sosial yang pastinya memberikan kebaikan kepada seluruh ahli masyarakat.

Bagi rakyat Indonesia, proklamasi kemerdekaan adalah merupakan suatu titik perubahan atau anjakan paradigma bagi bangsa Indonesia untuk berjuang menentang penjajah. Selain itu juga, ianya memberi jalan kepada pembentukan NKRI (Negara Kesatuan Republik Indonesia) dan seterusnya membangkitkan semangat nasionalisme bangsa. Simbolik proklamasi ini juga menunjukkan terlepasnya Indonesia daripada segala penderitaan rakyatnya dari kemiskinan, ketidakbebasan, kebodohan, dan kerja paksa. Semangat yang menjiwai rakyat Indonesia juga terserlah dalam mengisi kemerdekaan negara. Semangat kepedulian sosial, kerja keras, semangat anti penjajah, serta semangat kebangsaan terus diagram dan dipasak teguh dalam jati diri setiap bangsa Indonesia. Nilai-nilai Panca Sila juga turut menjadi pegangan dan semangat untuk mengisi kemerdekaan dengan hal-hal yang positif turut tersemai dalam masyarakat.

Kesimpulannya, kemerdekaan dan nikmat kebebasan negara yang diperoleh wajar dan harus dipertahankan dengan sepenuh jiwa dan raga. Kemerdekaan yang berkait rapat dengan kedaulatan menuntut kita sebagai rakyat untuk memberikan sepenuh kesetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap Ibu Pertiwi. Semangat jiwa merdeka generasi lalu dalam usaha ke arah kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan negara perlu diteladani dan disyukuri, supaya generasi akan datang terus menikmati kedaulatan negara yang dicintai.

Referensi

- Abdullah, A. Rahim. (2019). *Pungguk Nasionalis dan Pemikir Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adam, Ramlah. (2004). *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adams, Cindy. (2007). *Bung Karno Penyambung Lidah Rakyat Indonesia*. Jakarta: Yayasan Bung Karno, Terjemahan.
- Aditya, Rifan. (2021). “10 Ucapan Ir Soekarno tentang Kemerdekaan Indonesia yang Bikin Semangat” dalam SUARA.COM, pada 14 Agustus. Wujud secara online pula di: <https://www.suara.com/news/2021/08/14/210154/10-ucapan-ir-soekarno-tentang-kemerdekaan-indonesia-yang-bikin-semangat> [dilayari di Bangi, Malaysia: 2hb Mei 2025].
- Agustin, Dwi Ningwang. (2009). “Diksi dan Gaya Bahasa dalam Pidato Presiden Soeharto”. Wujud secara online di: <https://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2009/10/Artikel-Penelitian.pdf> [dilayari di Bangi, Malaysia: 2hb Mei 2025].

- Alias, A. Mun'im bin. (2015). "Konsep Perjuangan Tunku Abdul Rahman tentang Kemerdekaan Malaysia dalam Perspektif Islam di Negara Malaysia". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Ciputat, Jakarta: Fakultas Syariah dan Hukum UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/30146/1/ABDUL> [dilayari di Bangi, Malaysia: 2hb Mei 2025].
- Andaya, Barbara W. & Leonard Y. Andaya. (1984). *A History of Malaysia*. UK [United Kingdom]: Palgrave Macmillan.
- Anderson, Ben. (1980). *Revolusi Pemuda: Pendudukan Jepang dan Perlawanan di Jawa, 1944-1946*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, Terjemahan.
- Azahra, Kayla. (2023). "Pemikiran Rasyid Ridha terhadap Nasionalisme: Menggali Perspektif Kritis dalam Konteks Modernitas" dalam *KOMPASIANA: Byond Blogging*. Jakarta: 18 Juni. Wujud secara online pula di: <https://www.kompasiana.com/kayyla/648ecae94d498a537b53a102/pemikiran-rasyid-ridha> [dilayari di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 13 Julai 2025].
- Djoyoadisuryo, Ahmad Subardjo. (1978). *Kesadaran Nasional: Otobiografi*. Jakarta: Penerbit Gunung Agung.
- Fernando, J.M. (2002). "The Making of the Malayan Constitution" in *MBRAS Monograph*, No.31.
- Gunawan, Restu. (2015). *Sejarah Berita Proklamasi Kemerdekaan Indonesia*. Jakarta: Penerbit Kemendikbud RI [Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia].
- Hasan, Ridzuan bin et al. [Sharifah Afidah binti Syed Hamid, Muslimin bin Fadzil & Subramanian a/l Rahman]. (2019). *Sejarah Tingkatan 4: Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, Siti Nurul Izza & Ermy Azziaty Rozali. (2013). "The Struggle of Rashid Rida in Pan-Islamism Movement" in *International Journal of West Asian Studies (Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat)*, Volume 5(1).
- Hatta, Mohammad. (1969). *Sekitar Proklamasi 17 Agustus 1945*. Djakarta: Penerbit Tintamas.
- Hawi, Akmal. (2017). "Pemikiran Jamaluddin Al-Afghani (Jamal Ad-Din Al-Afghani) (1838 – 1897 M)" dalam *Medina-Te*, Volume 16(1), Juni, ms.9-24.
- Ismail, Abdul Rahman Haji, Azmi Arifin & Nazaruddin Zainun. (2006). *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia*. Pulau Pinang: Penerbit USM [Universiti Sains Malaysia].
- Kahin, George McTurnan. (2013). *Nasionalisme dan Revolusi Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu, Terjemahan.
- "Kamus Bahasa Melayu: Maklumat Kata Merdeka". Wujud dalam talian: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=merdeka&d=175768&> [dilayari di Bangi, Malaysia: 20hb Mei 2025].
- Kennedy, Joseph. (1964). *A History of Malaya, A.D. 1400-1959*. UK [United Kingdom]: Macmillan.
- Mahmood, Ibrahim. (1981). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mahmud, Nik Anuar Nik, Muhammad Haji Salleh & Abd Ghapa Harun. (2011). *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Malik, Adam. (1950). *Riwayat dan Perjuangan Sekitar Proklamasi Kemerdekaan Indonesia 17 Agustus 1945: Diperlengkapi oleh Orang-orang jang Langsung Ikut Menjelenggarakan*

- Proklamasi 17 Agustus 1945. Djakarta: Penerbit Widjaya.
- Mandela, Nelson. (1994). *Long Walk to Freedom*. Selangor: IBDE Ilham Sdn Bhd, terjemahan Alina Abdullah.
- Mohamad, Mahathir. (2018). “Teks Ucapan Hari Merdeka Tahun 2018”. Wujud dalam talian pula di: www.pmo.gov.my [dilayari di Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: 13 Julai 2025].
- Muhamad, Samsiah [ed.]. (2007). *Citra Merdeka, 1957-2007*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Utusan Publication & Distributors, Sdn Bhd.
- Munslow, A. (2006). *Deconstructing History*. USA [United States of America]: Taylor & Francis.
- Nugraha, Jevi. (2020). “35 Kata-kata Bijak Bung Hatta yang Penuh Makna dan Inspiratif” dalam MERDEKA.COM, pada 31 Mei. Wujud secara online pula di: <https://www.merdeka.com/jateng/35-kata-kata-bijak-bung-hatta-yang-penuh-makna-dan-inspiratif-klm.html> [dilayari di Bangi, Malaysia: 2hb Mei 2022].
- Pamuji, Kukuh. (2020). *Menyelisik Museum Istana Kepresidenan Jakarta*. Tebet, Jakarta Selatan: Penerbit KCP [Kreasi Cendekia Pustaka].
- Putri, Tesa Regenita, Sumiyatun & Kuswono. (2019). “Peran Mahatma Ghandi di Bidang Agama dan Sosial dalam Usaha Kemerdekaan India Tahun 1914-1947” dalam *Jurnal Swarnadwipa*, Volume 3(1), ms.30-39.
- Reid, Anthony. (1996). *Revolusi Nasional Indonesia*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, Terjemahan.
- Ruslan, Alfiyah binti Mohd. (2011). “Pemikiran Politik dan Kebijakan Tun Hussein Onn”. *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Jakarta: Fakultas Syariah dan Hukum UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/5641/1/ALFIYAH> [dilayari di Bangi, Malaysia: 2hb Mei 2025].
- Sardiman, A.M. & Amurwani Dwi Lestariningsih. (2014). *Sejarah Indonesia, Kelas XI Semester 1*. Jakarta: Penerbit Kemdikbud RI [Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia].
- Sjahrony, Aisyah, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2017). Kepentingan Kebolehbacaan Buku Teks dalam Dunia Pendidikan” dalam *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, Volume 1(1), ms.25-40.
- Sutlive, Jr., Vinson H. (1992). *The Iban of Sarawak: Chronicle of a Vanishing World*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co Tanner A.
- Suwirta, Andi. (2000). *Suara dari Dua Kota: Revolusi Indonesia dalam Pandangan Surat kabar Merdeka (Jakarta) dan Kedaulatan Rakjat (Yogyakarta), 1945-1947*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Tarumingkeng, Rudy C. (2025). *Syaikh Jamaluddin al-Afghani (1838–1897)*. Bogor, Jawa Barat, Indonesia: RUDYCT e-PRESS. Wujud dalam talian pula di: [https://rudyc.com/ab/Syaikh.Jamaluddin.al-Afghani\(1838%E2%80%931897\).pdf](https://rudyc.com/ab/Syaikh.Jamaluddin.al-Afghani(1838%E2%80%931897).pdf) [dilayari di Bangi, Malaysia: 2hb Mei 2025].
- Zain, Azman Md & Mahyuddin Abu Bakar. (2007). “Pemikiran Politik Sayyid Jamal al-Dun al-Afghani mengenai Konsep Pembinaan Peradaban Ummah & Respon Masyarakat Terhadapnya” dlm MALIM: *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, Volume 8.
- Zed, Mestika. (2018). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia], edisi revisi.